

## **TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI),**

**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN MyDIGITAL &  
RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT) EKONOMI DIGITAL MALAYSIA**

**PADA 19 FEBRUARI 2021 (JUMAAT)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,  
Bismillahirrahmanirrahim,

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin  
Perdana Menteri Malaysia,  
Yang Berhormat Menteri-Menteri Kanan  
Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri,  
Yang Berhormat Menteri-Menteri  
Yang Berbahagia Tan Sri Mohd. Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara,  
Wakil-wakil syarikat mikro, kecil, sederhana dan besar,  
Dif-dif kehormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, serta rakyat Malaysia yang  
saya kasihi.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada pagi yang mulia ini, kita dapat bersama dalam Majlis Pelancaran MyDIGITAL & Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia secara maya yang akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri sebentar lagi.

Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuktikan komitmen Tan Sri dalam membangunkan agenda pendigitalan negara sebagai

pemangkin yang amat penting bagi memacu pembangunan sosio ekonomi negara.

Dalam beberapa hari ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan empat inisiatif besar bermula dengan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021 pada Isnin diikuti dengan Buku Panduan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Didiktv dan hari ini, MyDIGITAL & Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia.

Ketiga-tiga inisiatif yang diumumkan ini ada kaitan dengan ekonomi digital.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Usaha Kerajaan membangunkan ekonomi negara berdasarkan penguasaan teknologi bukanlah perkara baharu.

Pelaksanaan ekonomi digital di negara kita sudahpun bermula semenjak pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 1996.

Penubuhan MSC merupakan langkah pertama ke arah pendigitalan.

Pada tahun tersebut diperkenalkan tujuh program utama atau flagship untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020.

Penekanan kepada teknologi dan digitalisasi telah meningkatkan sumbangan ekonomi digital kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) daripada 13.0% pada tahun 2010 kepada 19.1% pada tahun 2019.

Di samping itu, peningkatan yang ketara dapat dilihat dalam penggunaan internet oleh individu iaitu daripada kadar 57% pada tahun 2013 kepada 84.2% pada tahun 2019.

Prestasi Malaysia dalam indeks global yang utama mencerminkan keberkesanan dasar negara dalam membangunkan ekonomi digital ini apabila Malaysia berada pada tangga ketiga dalam Inclusive Internet Index 2020.

Walau bagaimanapun, kita masih berhadapan dengan beberapa cabaran yang perlu ditangani segera bagi memastikan matlamat untuk mengurangkan jurang digital dapat dicapai.

Antaranya termasuklah:

- kualiti dan liputan perkhidmatan jalur lebar yang rendah
- penyediaan infrastruktur digital yang belum menyeluruh
- tenaga kerja berkemahiran digital yang masih tidak mencukupi

Pandemik COVID-19 telah mendorong kita, pihak kerajaan, swasta dan masyarakat, meningkatkan usaha menguasai teknologi digital.

Antara trend yang semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat adalah penggunaan perkhidmatan pekerja *gig* dan peningkatan permintaan tenaga kerja berkemahiran digital.

Kerajaan sedar betapa pentingnya diperkenalkan dasar khusus bagi memanfaatkan peluang daripada ekonomi digital.

Dalam hubungan ini, Unit Perancang Ekonomi telah diberi mandat untuk menggubal Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia.

Rangka tindakan ini mengambil kira pandangan dan input pelbagai pihak berkepentingan, termasuk rakyat jelata, industri dan agensi kerajaan.

Ini bagi memastikan rangka tindakan ini adalah komprehensif.

Terima kasih kepada sahabat-sahabat saya, YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia dan YB Saudara Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi yang terlibat sama menyediakan rangka tindakan ini.

Saudara-saudari yang saya kasihi sekalian

Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia menggariskan tindakan yang akan dilaksanakan sehingga tahun 2030.

Ita menetapkan visi untuk negara menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital dan mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampan.

Rangka tindakan ini mengandungi tiga objektif dasar, iaitu

- Pertama, menggalakkan pemain industri menjadi pencipta dan pengguna model perniagaan yang inovatif,
- Kedua, melahirkan modal insan yang berupaya untuk berdaya saing dan
- Ketiga, memupuk ekosistem bersepadu yang akan membolehkan masyarakat mengambil bahagian dalam ekonomi digital.

Enam Teras Strategik telah dikenal pasti, iaitu

- memacu transformasi digital di sektor awam,
- meningkatkan daya saing ekonomi melalui digitalisasi,
- membangunkan infrastruktur digital,
- membangunkan tenaga kerja berkemahiran digital,
- mewujudkan masyarakat digital yang inklusif dan
- mewujudkan persekitaran digital yang terjamin dan beretika.

Pelaksanaan rangka tindakan ini dibahagikan kepada tiga fasa iaitu fasa 1, mengukuhkan asas penggunaan digital bermula tahun ini sehingga tahun depan, fasa dua (2023 sehingga 2025) memacu transformasi digital yang inklusif dan fasa 3 dari 2026 sehingga 2030 akan menjadikan negara sebagai peneraju serantau dalam bidang kandungan digital dan keselamatan siber.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati

Sebagai Rakyat, kita harus bersiap sedia menghadapi gelombang dunia digital dengan penuh bertanggungjawab tatkala merebut manfaat teknologi. Kerajaan amat menyedari kesukaran yang dihadapi oleh anak-anak termasuk ibu bapa, dalam menghadapi pembelajaran dalam talian.

Dengan itu, inisiatif MY Device akan diperkenal untuk memastikan semua pelajar di Malaysia mendapat akses kepada peranti digital bagi tujuan pembelajaran menjelang tahun 2025.

Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui kerjasama antara Kerajaan, swasta dan rakyat.

Data percuma akan diberikan kepada pelajar dari kumpulan yang mudah terjejas.

Menjelang 2030, Malaysia disasarkan untuk menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital.

Sasaran ini amat bertepatan dengan kekuatan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya dan berbilang bahasa serta tenaga kerja yang mudah menyesuaikan diri dengan perubahan.

Dalam menjayakan visi ini, tumpuan akan diberikan untuk mewujudkan perniagaan yang celik digital serta berjaya mengendalikan perkhidmatan dari peringkat awal ke akhir dan memacu inovasi yang berupaya untuk mengubah industri.

Perniagaan akan dapat memanfaatkan pasaran yang lebih meluas melalui pendigitalan selain meningkatkan daya saing.

Dalam sektor Kerajaan, kita amat komited untuk melaksanakan pendigitalan dengan meningkatkan lebih banyak perkhidmatan dari peringkat awal sehingga ke akhir ini.

Perkhidmatan ini akan membolehkan rakyat berurus dengan pejabat kerajaan tanpa perlu hadir secara fizikal, misalnya perkhidmatan di kaunter untuk pembayaran bil utiliti, cukai jalan dan sebagainya.

Penambahbaikan ini bukan hanya memudahkan rakyat berurus dengan agensi kerajaan, tetapi juga dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam serta ketelusan dan integriti penjawat awam.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

Pada November 2020, Kerajaan telah mewujudkan Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara untuk menerajui kesemua inisiatif pendigitalan negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Majlis ini dianggotai oleh menteri, wakil industri, ahli akademik dan pertubuhan masyarakat sivil.

Majlis ini juga terdiri daripada enam kluster iaitu:

- Bakat Digital yang dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Manusia;
- Infrastruktur Digital dan Data - YB Menteri Komunikasi dan Multimedia;
- Teknologi Baru Muncul - YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi;
- Ekonomi - YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- Masyarakat - YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dan
- Kerajaan - Ketua Setiausaha Negara.

Unit Perancang Ekonomi, adalah penyelaras keseluruhan yang berperanan sebagai urusetia Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara.

Ia menjalankan tiga fungsi strategik, iaitu menguruskan perubahan, memantau kemajuan dan menilai prestasi inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan.

YAB Tan Sri, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Antara hasrat kita menjelang tahun 2025 ialah :

- semua pelajar mendapat akses kepada pembelajaran dalam talian;
- 80% perkhidmatan kerajaan dalam talian dari peringkat awal ke akhir;
- semua kementerian dan agensi menyediakan kemudahan pembayaran tanpa tunai; dan
- perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia, akan menikmati peluang yang lebih besar untuk membangun dan berkembang pada peringkat domestik, serantau bahkan global melalui pulangan daripada pendigitalan.

Menjelang tahun 2030, Malaysia berhasrat menjadi peneraju serantau ekonomi digital.

MyDIGITAL yang akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri sebentar lagi ini adalah satu agenda besar negara yang akan memayungi pelbagai usaha serta inisiatif Kerajaan dalam mentransformasi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi berasaskan teknologi dan pendigitalan.

Bagi pihak Unit Perancang Ekonomi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penggubalan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia ini.

Sekali lagi terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam menyokong pelaksanaan dasar ini serta sudi melancarkan MyDIGITAL dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.